

KESUMBA Diharap Teruskan Pelbagai Aktiviti Bermanfaat

Terakhir dikemaskini: Rabu, 26 Jun 2019 17:13 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 204

[Kongsi 0](#) [Syorkan 0](#) [Kongsi](#)

Tweet

Share



RABU, 26 JUN 2019 – Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA) diharap agar terus mengorak langkah melaksanakan pelbagai aktiviti yang memberi manfaat bukan sahaja kepada ahli malah kepada masyarakat setempat.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, sebagai sebuah kelab yang dipelopori oleh wanita, beliau amat kagum dengan perkembangan kelab itu yang banyak membuat perubahan sejarah dengan perubahan yang dibawa oleh universiti.

“Saya yakin melalui barisan kepimpinan KESUMBA serta ahli jawatankuasa, maka kelab ini akan terus maju dan dapat merealisasikan matlamat kelab yang antara lain berusaha meningkatkan imej dan nama baik universiti melalui hubungan kerjasama serta penganjuran aktiviti yang memberi manfaat kepada ahli.

“Sehubungan dengan itu, bersempena dengan Mesyuarat Agung ini, saya berharap semua ahli KESUMBA dapat mencapai kata sepakat dan objektif yang ingin dicapai.

“Gunakan peluang dan ruang ini sebaiknya bagi memperkuuh pencapaian dan hala tuju KESUMBA di masa akan datang,” katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Kesumba kali ke-22, di sini hari ini.

Prof. Datuk Dr D Kamarudin turut mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada warga KESUMBA dan memohon kemaafan sekiranya terkasar bahasa atau terdapat sebarang perbuatan menyenggung perasaan sepanjang memegang jawatan sebagai Naib Canselor.

“Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua atas kerjasama dan sokongan diberikan selama ini, hanya Allah SWT dapat membalasnya,” katanya.

Mesyuarat Agung Tahunan KESUMBA pada kali ini turut menyaksikan pemilihan Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang baru.

Hadir sama Yang Dipertua KESUMBA, Datin Roha Asmara; Pendaftar UMS, Vina Zahriani Yusof; dan Bendahari UMS, Zallifah Shadan.